



SENARAI BUKU TERBARU BAGI BULAN JULAI/OGOS 2019



Colonial Architectural Heritage Of Malaysia
Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (Author)
Classification No. : M720.9595 MTM

Synopsis:


The presence of the English Colonialist brought many important changes in Malaysia and the most glaring and obvious of all are the language of buildings and planning of towns. The English had brought their great ideas of humanistic living through their cultivation of the towns with public squares, streets and nooks and crannies that create a more humane modern living condition. In the case of buildings, the Colonialists had merged the tropical language of traditional Malay architecture of roofs, verandah and louvers into beautiful arcaded walkways, balconies, clerestory windows, roof forms all framed within a Palladian, Victorian or Gothic expressions. The richness of the Colonial buildings can serve as an important direction to the idea of a national identity that is vernacular, tropical, rational, modern and humanistic in scale. The many building types of administration, recreation, education, commercial and religious in nature have served to bring a landscape of beauty in modern Malaysia.



Sejarah Kedah Dua Millenia
Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri (Penulis)
No. Klasifikasi : M959.5112 AHM

Sinopsis:


Sejarah Kedah Dua Millenia mengandungi sembilan bab yang membincangkan tentang sejarah negeri Kedah Darul Aman dari setiap aspek. Ia merangkumi aspek kesultanan, pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan lain-lain dari zaman tradisi hingga kini. Penghasilan buku ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada setiap golongan masyarakat di Malaysia tentang sejarah negeri Kedah Darul Aman dengan lebih jelas. Pemahaman tersebut sangat penting bagi melahirkan rasa syukur dan terima kasih terhadap semua nikmat yang diperoleh sebagai rakyat Malaysia khususnya rakyat negeri Kedah Darul Aman.



Ulik Mayang (Warisan Terengganu)
Noraien Mansor (Penulis)
No. Klasifikasi : M793.3109595122 NOR

Sinopsis:

Pada zaman pra-islam, tarian dijadikan sebagai alat komunikasi dengan roh nenek moyang oleh masyarakat pesisir pantai yang mempunyai kepercayaan begitu menebal terhadap semangat dalam persekitaran semula jadi seperti roh dan mistik. Masyarakat Terengganu yang sangat sinonim dengan kehidupan di pesisir pantai tidak terkecuali daripada menjalankan aktiviti sebegitu dan mereka telah mencipta ritual-ritual yang lengkap yang mempunyai pergerakan berbentuk gerak tari sehingga terciptanya tarian Ulik Mayang yang menjadi citra terkenal di negeri Terengganu.




Dialek Negeri Sembilan
Idris Aman (Penulis)

No. Klasifikasi : M499.23709595117 IDR

Sinopsis:

Negeri Sembilan bukan sahaja unik dari segi budaya malah dari segi bahasanya. Keunikan masyarakat bahasa atau penutur dialek Negeri Sembilan adalah kerana masyarakatnya yang bukan sahaja dinamik, malah mempunyai jati diri (identity) yang kukuh. Dinamika masyarakat bahasa Negeri Sembilan terserlah daripada evolusi yang diharung dan dihadapinya. Bermula dengan pertembungan dengan budaya luar dari Minangkabau, Sumatera, serta pengaruh multibudaya dan multibahasa yang lain, pemodenan, globalisasi dan teknologi maklumat, masyarakat ini gah berdiri dan berdaya tahan dengan jati diri tersendiri.




Suara Minangkabau
Ahmat Adam(Penulis)

No. Klasifikasi : M070.572095981 AHM

Sinopsis:

Sejarah pertumbuhan akhbar dan majalah di Sumatera Barat sejak penghujung abad ke-19 hanya boleh difahami jika dilihat dalam konteks sejarah penjajahan Belanda di Indonesia. Selain bertujuan untuk merubah cara berfikir rakyat, pers Minangkabau juga mempunyai matlamat yang bersifat komersil. Buku ini membincangkan peranan surat khabar dan ‘surat berkala’ di Minangkabau sebelum pecah Perang Dunia Kedua, dengan meletakkannya dalam konteks masyarakat Minangkabau gigih hendak mencapai ‘kemajuan’ sekular dan keagamaan.



Pendidikan Seni Visual Dan Muzik
Mohd Johari Ab. Hamid (Editor)
No. Klasifikasi : M707 PEN

Sinopsis:

Pendidikan Seni Visual dan Muzik ialah himpunan eseai pilihan karya pensyarah-pensyarah Fakulti Seni dan Muzik. Esei terpilih ini hasil daripada kajian dan penyelidikan pelbagai bidang Seni Visual dan Muzik.


Pendidikan Seni Visual dan Muzik bukan sahaja merupakan mata pelajaran yang mementingkan bakat dan minat tetapi juga sebagai sumber ilmu yang dapat menjana dan membentuk insan yang bersifat penyayang, lemah lembut dan sopan santun yang memahami nilai estetik dan budaya orang lain. Tanpa nilai-nilai ini, manusia sering berdepan dengan pelbagai masalah dan cabaran. Nilai-nilai tersebut diperlukan bagi menyahut cabaran globalisasi hari ini.



Peranakan Cina Kelantan
Zinitulniza Abdul Kadir (Penulis)
No. Klasifikasi : M305.8009595121ZIN

Sinopsis:

Tiba dari China dengan bertongkang meredah lautan luas menyusur perjalanan jauh ratusan tahun dahulu, mereka akhirnya putuskan memilih Kelantan sebagai tapak bermastautin. Cabarannya, Kelantan ialah negeri padat berpenghuni Melayu, berbeza agama, bahasa dan adat resam. Justeru, bagaimana untuk kekal Cina dalam kejiraninan yang kuat jati diri Melayu? Buku ini berkongsi survival masyarakat Cina kampung di Kelantan sejak lebih 300 tahun dahulu, sekali gus membuktikan bahawa perpaduan bukan retorik. Melayu dihormati dan Cina dialu-alukan.




Gambus (Spesifikasi Dan Cara Bermain)
Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof (Penulis)
No. Klasifikasi : M784.19595RZR

Sinopsis:

Oud ialah alat muzik petik berleher pendek yang berasal dari negeri Turki dan Arab. Di kepulauan Melayu, oud dikenali dengan nama gambus, komuz, kobuz atau qupuz. Gambus telah digunakan oleh masyarakat Melayu sejak kurun ke-14 terutamanya dalam bentuk kumpulan muzik gaya Arab yang mengiringi tarian zapin. Buku Gambus: Spesifikasi dan Cara Bermain disusun khas bagi membantu mengenali alat muzik ini secara terperinci dan mempelajari gaya permainan serta teknik secara akademik. Buku ini ditulis bagi tujuan dokumentasi dan penyebaran maklumat untuk memastikan pemeliharaan pembelajaran dan sebagai satu usaha yang penting dalam perkembangan yang positif. Penulis buku ini, Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof merupakan anak murid kepada tokoh gambus tanah air, Allahyarham Haji Fadzil bin Ahmad.

Ummadevi Suppiah • Sivachandralingam Sundara Raja




The Chettiar Role In Malaysia's Economic History

Ummadevi Suppiah, Sivachandralingam Sundara Raja (Author)

Classification No. : M305.554095482 UMM

Synopsis:


The Chettiar Role in Malaysia's Economic History is a revised version of the doctoral thesis entitled 'the Money lending Activity of the Chettiar in Malaya, 1896-1957' written in Malay by Ummadevi Suppiah and submitted to the History Department, University of Malaya under the supervision of Associate Professor Dr. Sivachandralingam Sundara Raja. This book seeks to evaluate the extent to which Chettiar were instrumental in the economic development of Malaya during British rule. Since the formation of the Federated Malay States in 1896 until Malaya gained its independence, the Chettiar emerged as one of the major financiers in the economic development of Malaya through their role in helping the Malays, Chinese and Indians to progress in the economic sector. However, the Chettiar role affected each of the three races differently, depending on factors such as the economic position of the respective races and British policy.



Music & Mind (UPM Book Series On Music Research No.6)
[Gisa Jähnichen \(Editor\)](#)
Classification No. : M780.1 MUS

Synopsis:

This volume is dedicated to the topic Music & Mind. Sub themes were music and cognitive processes of perception and music therapy among others. Other fields included social, political, and religious discourses that influence mindsets on status, cultural positioning and the significance of the individual as expressed through music. Some contributors explored music and individual preference in distinctive communities. Finally, aesthetics of music were discussed in philosophical and scientific approaches to musical meanings.




MUSIC Local Culture In Global Mind

Gisa Jahnichen (Editor)

Classification No. : M780.89 MUS

Synopsis:


This book is compilation of carefully selected and reviewed papers presented during our Colloquium for Music Research 2009 organised by the Music Department of Universiti Putra Malaysia. Following the previous book of this series “Observing-Analysing-Contextualizing Music”, this book focuses on issues in the frame of local and global cultural frictions and creative exchange. The book series is intended as a space for music researchers to share research findings, to provoke discussion and broaden our scientific horizon. The volume “Music: Local Culture in Global Mind” contains ten papers of different research areas in musicology such as ethnomusicology, music sociology, performance studies and music education.



Music (Ethics And The Community) UPM Book Series On Music Research 7
Gisa Jahnichen(Author)
Classification No. : M780.1 MUS

Synopsis:

The topic 'MUSIC: ETHICS and the COMMUNITY' is widely connected to all aspects of music. The contributors to this volume are from Malaysia, Indonesia, Australia, Thailand, Sri Lanka, Korea, Singapore, Brunei, Germany, Serbia and Iran. Questions of individual or communal ownership of traditions, ways of preservation and revival of specific performing arts, any perspective of the communal music market which is highly based on dynamic normative structures, questions of censorship and permissibility of music as well as related issues regarding the conduct and evaluation of music research and the use of music and sound in therapy fall under this broad topic.




Amalan Tebus Guna Tanah, Reka Bentuk Bandar Dan Seni Bina Di Malaysia

Ahmad Sanusi Hassan (Penulis)

No. Klasifikasi : M711.409595 AHM

Sinopsis:

Amalan tebus guna tanah mula diperkenalkan di Kota Melaka pada tahun 1511 oleh penjajah Portugis dalam pembinaan pelabuhan di muara Sungai Melaka dan kubu pertahanan A' Famosa menggunakan batu laterit, kemudiannya penjajah Belanda dalam pembinaan bangunan Stadthuys dan akhirnya penjajah Inggeris dalam pembinaan bandar kolonial di Pulau Pinang yang menggunakan teknik binaan batu bata. Sehingga kini, tebus guna tanah dan teknik binaan batu bata masih diamalkan dalam pembangunan reka bentuk bandar dan seni bina selepas kemerdekaan Malaysia.




Tasik Kenyir (Warisan Budaya Komuniti Peribumi)

Roslina Ismail (Penulis)

No. Klasifikasi : M305.89923059512231 ROS

Sinopsis:


Berpandukan Akta Warisan Kebangsaan Malaysia 2005, warisan ketara ditakrifkan sebagai kawasan, monumen dan bangunan. Manakala warisan tidak ketara pula dirujuk sebagai sebarang bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu-lagu yang dihasilkan, nota, lirik boleh didengar nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik serta seni mempertahankan diri yang telah wujud atau yang masih wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia. Menariknya, dalam komuniti orang asli suku kaum Bateq dan Semak Beri di Tasik Kenyir, warisan budaya tak ketara begitu dominan diwariskan oleh generasi terdahulu.



Geopark Tasik Kenyir
Faizah Mohd Sharoum (Penyunting)
No. Klasifikasi : M333.78440959512231 GEO

Sinopsis:

Tasik Kenyir merupakan tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara. Selain kaya dengan keindahan panorama geologinya, Tasik Kenyir juga menyimpan khazanah flora dan fauna yang tidak ternilai. Kepelbagaiannya nilai seni, budaya, adat resam dan sejarah masyarakat sekitar Tasik Kenyir menjadi nilai tambah yang melayakkan Tasik Kenyir menjadi nilai tambah yang melayakkan Tasik Kenyir dinobatkan sebagai salah satu Geotapak di peringkat global. Selaras dengan aspirasi negara untuk menyokong pembangunan sumber alam yang mampan, pengiktirafan Geotapak Tasik Kenyir dilihat berada pada landasan dan masa yang tepat. Buku Geopark Tasik Kenyir ini yang mendokumentasi keindahan geologi, keunikan flora dan fauna dan kepelbagaiannya seni tradisi masyarakat setempat diharap dapat menjustifikasikan keperluan Tasik Kenyir diiktiraf sebagai Geotapak warisan dunia dalam masa terdekat.



**Benang Sari Melayu Jawa
Noriah Mohamed (Penulis)
No. Klasifikasi : M305.89923 NOR**

Sinopsis:

Ungkapan Benang Sari Melayu-Jawa yang dijadikan juduk buku melambangkan pertautan erat dua etnik, iaitu Melayu dan Jawa dalam kehidupan berbudaya, berbahasa, dan dalam pembinaan pandangan hidup serta pembentukan jati diri. Beberapa makalah yang terhimpun dalam buku ini memperlihatkan nilai budaya dan ciri-ciri khusus yang menjadi warisan kebanggaan etnik tersebut selain bahasa yang dikongsi bagi tujuan mempercepatkan lagi hubungan mesra yang sedia terjalin selama ini. Senario ini bukanlah sesuatu yang asing dalam konteks pembinaan bangsa Malaysia. Beberapa elemen budaya daripada Melayu-Jawa seperti dalam Sirih Pinang dalam Kehidupan Melayu: Benang Halus yang Merungkai, sirih membawa lambang penyatuan budaya bahawa yang berbeza akan mewujudkan suatu keindahan seperti adanya gabungan elemen warna dan bahan yang ada dalam penyediaan memakan sirih.




Keris Melayu Semenanjung Suatu Pengenalan

[Abdul Mu'ti](#) (Penulis)

No. Klasifikasi : M739.720899923 AM

Sinopsis:


Buku Keris Melayu Semenanjung: Suatu Pengenalan dihasilkan daripada penyelidikan selama lebih tiga tahun. Maklumat yang disajikan di dalam buku ini dikumpul melalui pembacaan bahan rujukan bercetak dan bahan digital dalam talian, kunjungan dan pemerhatian di tempat pembuatan senjata pusaka, lawatan ke muzium di seluruh Malaysia dan Singapura. Termasuk lawatan ke muzium pusaka di Jakarta, dialog dalam seminar berkaitan perkerisan dan forum maya dengan beberapa kolektor keris, dan temu bual dengan beberapa orang empu, pandai besi, tukang sarung, tukang hulu, pedagang keris, dan kolektor keris. Buku ini diharap dapat dijadikan rujukan bagi penggemar keris dan juga generasi akan datang untuk mengenali keris. Seterusnya memahami signifikannya keris dalam pembentukan tamadun Melayu, khususnya di Semenanjung Malaysia.



Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak
M.A. Fawzi Basri (Penulis)
No. Klasifikasi : M959.5114 MAF

Sinopsis:


Kesultanan Perak yang diasaskan pada tahun 1528 merupakan antara negeri di Malaysia yang sentiasa berhadapan dengan konflik sejak awal penubuhan. Adalah diketahui umum bahawa negeri Perak sering berhadapan dengan ancaman dari musuh yang bukan sahaja datang dari rantau Asia Tenggara, malah kuasa Barat seperti Belanda dan England yang bersaing untuk memonopoli kekayaan hasil bumi di negeri tersebut. Biarpun negeri Perak pernah menikmati zaman emasnya, namun konflik perebutan takhta yang berakar dalam kalangan kerabat istana Perak menjadi punca kepada kesilapan pemerintah negeri itu pada akhir abad ke-19, sekali gus membuka jalan kepada British untuk mengukuh cengkaman mereka di Semenanjung Tanah Melayu.



Etimologi Nama Negeri Di Malaysia
Raja Masittah Raja Ariffin (Penulis)
No. Klasifikasi : M910.01409595 RMR

Sinopsis:


Malaysia, sebuah negara aman yang mengandungi 13 buah negeri yang menganjur dari utara hingga ke selatan, iaitu bermula dari negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, manakala Pahang, Kelantan dan Terengganu di sebelah timur, termasuklah Sabah dan Sarawak serta tiga buah Wilayah Persekutuan, iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Setiap negeri ini mempunyai penduduk yang berbilang bangsa dan keturunan, fahaman beragama, adat resam dan perbezaan budaya hidup. Sebagai rakyat Malaysia yang lahir dan dibesarkan di negeri yang tertentu di Malaysia, pernahkah kita terfikir bagaimanakah negeri tempat kita dilahirkan itu mendapat namanya. Buku ini berusaha merungkai masalah dan menjelaskan persolan tersebut.



Etnomatematik & Etnosains Di Alam Melayu
Rohani Ahmad Tarmizi (Editor)
No. Klasifikasi : M306.4 ETN

Sinopsis:

Etnomatematik dan Etnosains di Alam Melayu ini merupakan tambahan kepada penulisan dalam bidang etnomatematik yang amat kurang. Etnomatematik merupakan kajian tentang matematik yang lahir dalam budaya dan etnik sesuatu kaum. Mengenali etnomatematik merupakan kunci untuk memahami matematik kontemporari yang berkembang daripada susur galur yang sama. Etnosains pula merujuk kepada sains yang terbina dalam sesuatu masyarakat dan etnik tertentu. Setiap etnik mempunyai paradigma pemikiran sains yang dipengaruhi oleh budaya, adat resam, tradisi ilmu dan latar belakang masyarakat.



Kisah Melaka 1511
Prof Emeritus Dato Dr. Muhammad Yusof Hj. Hashim (Editor)
No. Klasifikasi : M959.5118KIS

Sinopsis:

“Seminar Kisah Melaka 1511”, adalah sebuah seminar bertaraf kebangsaan anjuran bersama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Arkib Negara Malaysia. Peranan IKSEP dalam memastikan semangat patriotisme dapat diserapkan di hati setiap warga Malaysia adalah salah satu daripada tujuan seminar yang mengimbas kembali zaman kehebatan dan ketuanan Kesultanan Melayu Melaka, juga melihat ke belakang kepada punca kejatuhan melaka dan usaha-usaha yang telah diambil untuk mengembalikan semula Melaka ke tangan orang Melayu.




Tokoh-Tokoh Gemilang Melaka (Pentadbiran Dan Politik)

Kerajaan Negeri Melaka (Penerbit)

No. Klasifikasi : M923.2595118 TOK

Sinopsis:

Sebagai sebuah negeri yang telah diakui sebagai pengasas tamadun Melayu yang kemudian berkembang ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Melayu, Melaka tentunya mempunyai sejarah yang sangat panjang dan gemilang sekali. Pembentukan Empayar Melaka pada abad 15 dan 16 sebagai pusat perdagangan antarabangsa telah melahirkan satu tradisi intelektual, sistem politik, budaya dan kemasyarakatan yang telah direkodkan dalam tulisan-tulisan klasik Melayu seperti Sejarah Melayu, Hukum Kanun Melaka, Hukum Laut Melaka dan Hikayat Hang Tuah.



Prasejarah Dan Protosejarah Tanah Melayu
Nik Hassan shuhaimi Nik Abdul Rahman (Editor)
No. Klasifikasi : M930.109595 PRA

Sinopsis:

Buku Prasejarah dan Protosejarah Tanah Melayu ini dihasilkan atas kesedaran dan sarana pelbagai pihak bagi memahami dan mendalami sejarah negara yang bermula sejak sekian lama, iaitu sebelum pembukaan Melaka oleh Parameswara. Dengan menggunakan data arkeologi dan sumber bertulis asing sama ada sumber Yunani, India, China, Arab-Parsi dan Asia Tenggara, sejarah awal Malaysia, terutamanya semas Zaman Prasejarah dan Protosejarah ini berjaya menonjolkan kepentingan Malaysia dalam aspek perdagangan antarabangsa dan pembentukan sebuah tamadun Melayu yang hebat di mata dunia.